

Forum Merdeka UKM

Pengenalan

Forum Merdeka UKM diadakan bersempena dengan perayaan 50 kemerdekaan negara kita. Forum ini adalah sebahagian daripada aktiviti penyertaan UKM dalam Siri Merdeka anjuran Khazanah Nasional Berhad khususnya *Khazanah Global Lecture Series* yang bermula dengan Syarahan Umum TYT Kofi Annan, mantan Setiausaha Agong PBB (1997-2006) mengenai *International Development* pada 12 Julai 2007 di Kuala Lumpur. Syarahan itu dipancarkan secara langsung ke kampus UKM dan satu majlis sidang video dengan beliau telah diadakan.

Konsep

Forum Merdeka UKM cuba menggabungkan idea dan gagasan rakyat Malaysia pelbagai generasi, kaum dan gender yang mempunyai pengalaman dalam proses pembangunan Malaysia serta peranan di luar negara khususnya di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam mengendalikan tugas masing-masing. Forum ini juga melibatkan perwakilan pelajar, generasi yang menikmati hasil pembangunan negara dan bakal menerajui masa depan negara. Wakil pelajar akan memberikan perspektif angkatan baru tentang tema Forum ini.

Objektif

1. Menilai kemerdekaan selama 50 tahun & menjelaki hari depan negara ke 2020 dan 2057.
2. Membicarakan peranan Malaysia selama ini di peringkat antarabangsa khususnya melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
3. Membicarakan bagaimana Malaysia boleh meningkatkan pembangunannya serta memainkan peranan yang lebih besar di tingkat antarabangsa.
4. Membincangkan peranan generasi baru dalam peralihan Malaysia ke 50 tahun akan datang.